

09 MAY 2001

MAICCI-HARTA

MAICCI SOKONG KEPUTUSAN PM MENGENAI HARTA

Oleh: Saraswathy Muniappan

KUALA LUMPUR, 9 Mei (Bernama) -- Keputusan untuk menarik balik sekatan ke atas rakyat asing untuk membeli harta lama atau baru adalah wajar dan kena pada masanya, kata Presiden Dewan Perniagaan dan Perusahaan India Malaysia (MAICCI), Datuk K Kenneth Eswaran.

"Keputusan ini wajar kerana pasaran harta pada masa ini agak lembap, oleh itu dewan ini merasa amat gembira dan kami menyokong sepenuhnya keputusan itu," kata beliau.

Keputusan itu juga dianggap tepat pada masanya kerana 75 wakil perniagaan dari India akan datang ke Malaysia pada 13 Mei dengan diketuai oleh Perdana Menteri Atal Bihari Vajpayee, katanya kepada Bernama.

"Keputusan ini mungkin memberi tarikan serta merta kepada ahli-ahli perniagaan terkemuka dan ketua-ketua pegawai eksekutif itu untuk meneliti peluang-peluang yang ada di sini," tambah beliau.

kebanyakan wakil itu adalah dari Gabungan Perniagaan dan Industri India (CII) yang mewakili industri-industri seperti teknologi maklumat (IT), multimedia dan ubat-ubatan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pada 2 Mei lalu bahawa rakyat asing kini dibenar mendapatkan sumber pembiayaan mereka daripada institusi-institusi kewangan tempatan bagi membeli harta berikutan kelonggaran selanjutnya Garis Panduan Khas 22 April, 1996. -- BERNAMA

SM SHY KY OS